

BAB 5: MASALAH YANG DIHADAPI OLEH DEWAN PERNIAGAAN INDIA NEGERI SEHINGGA TAHUN 1945

Dewan-dewan Perniagaan India Negeri telah menghadapi pelbagai masalah dan kerumitan dalam melaksanakan tugasnya sebagai sebuah badan yang menjaga kebijakan dan kepentingan ahli-ahlinya. Oleh kerana tempoh masa ini merupakan peringkat awal penubhannya, dewan-dewan negeri telah menghadapi pelbagai masalah dalam memantapkannya. Pada masa kemelesetan ekonomi, iaitu semasa Dewan-dewan Perniagaan India mula-mula ditubuhkan ia menghadapi pelbagai dugaan dalam membimbing ahli-ahlinya dalam perniagaan dan perdagangan. Pada masa itu ramai peniaga runcit mengalami kerugian sehingga ada perniagaan yang muflis dan perniagaan saudagar-saudagar borong dalam keadaan yang membimbangkan.

Masalah Semasa Kemelesetan Ekonomi

Kerajaan India telah menghantar seorang wakilnya, iaitu V.S.Srinivasa Sastri untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang India di Tanah Melayu. Wakil kerajaan India ini dihantar sejurus selepas ekonomi Tanah Melayu pulih selepas Kemelesetan Besar. Semasa perjumpaan V.S.Srinivasa Sastri dengan ahli-ahli perniagaan India dan Dewan-dewan Perniagaan India, mereka telah mengemukakan masalah-masalah yang mereka hadapi pada masa itu. Dalam perjumpaan itu PSSIS telah menghantar satu memorandum yang menerangkan keadaan perdagangan di antara Tanah Melayu dan India untuk tempoh masa 2 tahun.¹

Jadual 9: Nilai Perdagangan di antara Tanah Melayu dan India.

Jenis Kegiatan	1934	1935
Import ke Tanah Melayu dari negara-negara lain.	\$46,71,55,812.00	\$47,54,87,707.00
Import dari India	\$1,37,67,832.00	\$1,32,84,028.00
Eksport dari Tanah Melayu ke	\$56,66,44,865.00	\$58,19,63,331.00

<u>negara-negara lain..</u>		
Eksport dari Tanah Melayu ke India	\$1,52,14,928.00	\$1,87,37,371.00
Bahan makanan yang diimport dari India	\$79,75,104.00	\$39,76,851.00

Sumber: Akhbar The Indian, 27 Februari 1937.

Barang-barang yang diimport dari India ke Tanah Melayu oleh pedagang-pedagang India ialah beras, minyak sapi, bawang, tembakau, kacang dhal, teh, kain kapas, kain sutera, sarong pelikat, rempah, tembaga merah (*copper*), tembaga kuning (*brass*), bekas aluminium dan sebagainya. Barang-barang makanan yang dieksport dari Tanah Melayu ialah sagu, lada hitam, kopra (kelapa kering), minyak kelapa, minyak kelapa sawit, rotan, buah pala, bijih timah, damar, kulit buah pala, buah pinang dan sebagainya.

Barang-barang makanan yang diimport dari India pada tahun 1935 telah merosot daripada tahun 1934. Kemerosotan perdagangan di antara Tanah Melayu dan India disebabkan kerana tidak ada sebuah bank bagi saudagar-saudagar India yang terlibat dalam urusan eksport dan import bagi mengirimkan wang atau mendapatkan pinjaman. Saudagar-saudagar kaum lain telah mempunyai cawangan bank dari negara mereka untuk membiayai urusan membeli dan menyimpan stok semasa harga murah untuk dijual semasa harga tinggi. Oleh itu PSSIS meminta V.S.Srinivasa Sastri mencadangkan kepada pihak yang terlibat dalam perbankan di negara India untuk menubuhkan sebuah cawangan bank di Tanah Melayu.² Cadangan mereka terlaksana apabila cawangan *Indian Overseas Bank* ditubuhkan di Tanah Melayu pada tahun 1939.

Peniaga-peniaga India juga mengalami masalah perkhidmatan perkapalan dari India. Barang-barang yang dihantar dari pelabuhan Madras dikenakan bayaran penghantaran tinggi berbanding dengan barang-barang yang sama yang dihantar dari Burma yang diangkut oleh Syarikat *British India Steam Navigation* (B.I.S.N.CO.) dan syarikat-syarikat perkapalan China.

Selain itu bayaran tambang kapal laut bagi orang-orang India yang berulang-alik di antara Tanah Melayu dengan India juga tinggi.³

Jadual 10 : Bilangan penumpang dari Pelabuhan Madras ke Tanah Melayu.

Jenis Penumpang	1933	1934	1935
Penumpang Kelas Saloon I,II,IIIB	2,015	2,515	2,534
Penumpang dek, saudagar dan lain-lain	10,684	15,908	18,118
Penumpang dek buruh sahaja	8,802	24,914	24,166
Penumpang buruh dibantu oleh kerajaan (<i>state-aided Labourers</i>)	17	40,289	18,239
Jumlah	25,518	83,626	63,057

Sumber: Akhbar The Indian, 27 Februari 1937.

Jadual 11: Bilangan penumpang dari Tanah Melayu ke Madras.

Jenis Penumpang	1933	1934	1935
Penumpang Kelas Saloon I,II,IIIB	1,466	1,504	1,631
Penumpang dek, saudagar dan lain-lain	15,564	16,074	16,494
Penumpang dek buruh sahaja	6,682	8,723	16,494
Penumpang buruh dibantu oleh kerajaan (<i>state-aided Labourers</i>)	8,544	1,771	5,577
Jumlah	25,518	83,626	63,057

Sumber: Akhbar The Indian, 27 Februari 1937.

Jadual-jadual di atas menunjukkan bilangan orang India yang belayar dari India ke Tanah Melayu dan dari Tanah Melayu ke India dari tahun 1933 hingga 1935. Bilangan orang India yang belayar di antara India dan Tanah Melayu sangat ramai dan ia akan menguntungkan syarikat perkapalan. Walaupun pelayaran di antara Tanah Melayu dan India menguntungkan syarikat perkapalan tetapi syarikat itu mengenakan bayaran tambang yang tinggi. Tambang yang dikenakan dari pelabuhan-pelabuhan India Selatan ke pelabuhan-pelabuhan Tanah Melayu dan dari pelabuhan-pelabuhan Tanah Melayu ke pelabuhan-pelabuhan India Selatan adalah berbeza. Oleh kerana hanya satu syarikat kapal sahaja yang menjalankan pelayaran dari India ke Tanah Melayu, iaitu B.I.S.N.Co.(milik orang Eropah) tambang dek pada tahun 1912 ialah RS 18.00 telah dinaikkan kepada RS30.00 pada tahun 1937.⁴ Kalau ada persaingan di antara syarikat-syarikat perkapalan mungkin tambang tiket kapal laut lebih murah.

Oleh kerana keadaan ekonomi sangat lembap atau buruk dalam tempoh masa lima tahun (1929-1933), ramai orang mengalami kesan yang buruk, iaitu saudagar-saudagar dan buruh-buruh. Gaji pekerja-pekerja telah dikurangkan. Oleh itu syarikat-syarikat kapal lain telah mengurangkan tambang tiket mereka dalam tempoh masa tersebut kecuali B.I.S.N.Co. Oleh kerana saudagar-saudagar India selalu berulang-alik di antara Tanah Melayu dan India kerana urusan perdagangan dan juga peribadi, mereka amat merasakan beban tambang yang tinggi yang dikenakan oleh syarikat tersebut. Oleh itu mereka cadangkan kepada V.S.Srinivasa Sastri supaya kerajaan India memperbanyak lagi syarikat-syarikat kapal.⁵

Saudagar-saudagar India juga kurang puas hati dengan bantuan yang diberikan oleh kerajaan India semasa kemelesetan ekonomi. Oleh itu mereka telah mengadu perkara ini kepada V.S.Srinivasa Sastri kerana kerajaan India tidak membantu semasa kemelesetan ekonomi untuk memajukan perniagaan dan perdagangan mereka. Ini amat dikesali oleh

saudagar-saudagar India kerana pedagang-pedagang lain telah dibantu oleh negara asal masing-masing dari segi pertukaran matawang. Walaupun dasar pertukaran matawang telah terganggu akibat keadaan ekonomi dunia tetapi dasar pertukaran matawang China, Jepun dan Indonesia telah menggalakkan perdagangan di antara Tanah Melayu dengan China, Jepun serta Indonesia. Pertukaran matawang negara-negara Jepun, China , Indonesia dan India bagi nilai matawang Negeri-negeri Selat diberikan di jadual di bawah.

Jadual 12 : Nilai Pertukaran Matawang Negeri-negeri Selat dengan Negara-negara lain.

Ringgit Negeri-negeri Selat	Matawang Negara lain.	Sebelum Tahun 1935	Tahun 1935
\$100	Yen Jepun	\$170	\$200
\$100	Dollar China	\$130	\$193
\$100	Rupiah Jawa	\$85	\$105
\$100	Rupees India	\$175	\$155

Sumber: Akhbar The Indian , 27 Februari 1937.

Oleh itu perdagangan antara China dan Jepun telah meningkat manakala perdagangan dengan India pula mengalami kemerosotan disebabkan pertukaran matawang. Perdagangan dengan India telah mengalami kerugian sebanyak 40 ratus ribu dollar pada tahun 1935.⁶ Oleh kerana kebanyakan perdagangan antara India dan Tanah Melayu dijalankan oleh pedagang-pedagang India, mereka yang mengalami kerugian. Dalam keadaan ini para pedagang India tidak dapat bersaing dengan pedagang-pedagang lain.

Peniaga-peniaga India juga menghadapi persaingan hebat daripada kain dari Jepun. Import kain sari dan sarong dari India telah merosot pada tahun 1932 akibat persaingan daripada kain Jepun. Kain-kain yang dibeli dari syarikat-syarikat Eropah dan lain diberikan tempoh tiga bulan untuk berhutang dan dalam tempoh itu jika hutang tidak dapat dijelaskan, peniaga-peniaga terpaksa bayar bunga. Tetapi jika kain dibeli dari syarikat-syarikat Jepun, perniagaan dijalankan secara tunai sahaja tetapi masih kain dari Jepun itu 60% lebih murah daripada kain Britain.⁷

Di Tanah Melayu kain-kain dari Eropah dan negara-negara lain mendapat persaingan hebat dari kain-kain dari Jepun. Kain-kain Jepun juga sangat laris disebabkan mereka tahu keperluan rakyat dan keadaan semasa serta dapat menghasilkan kain dengan murah. Bagi melindungi pedagangan Eropah beberapa perjanjian antarabangsa telah ditandatangani tetapi Jepun tidak mematuhiinya. Oleh itu Pejabat Kolonial telah mengarahkan semua negara kolonial mengenakan cukai khas ke atas semua barang-barang dari Jepun.⁸ Pertubuhan Saudagar-saudagar India Selangor berpendapat kain-kain tertentu dari Jepun tidak patut dicukai lebih dari yang berpatutan kerana kain-kain tertentu hanya boleh dapat dari Jepun.⁹

Negara Jepun juga dapat menghasilkan barang-barang dengan kos yang rendah kerana kejatuhan nilai matawang Yen. Ini telah membolehkan mereka membeli barang-barang mentah dengan murah dan dengan menggunakan teknologi tinggi dan disiplin kerja pekerja-pekerjanya, ia dapat hasilkan barang dalam kuantiti yang banyak dengan kos yang murah.¹⁰ Jadual di bawah menunjukkan pengimportan kain sari kapas dari Britain dan Jepun.

Jadual 13 : Import Sari Kapas Dari Britain dan Jepun.

Tahun	Britain		Jepun	
	Ela	Peratus	Ela	Peratus
1928	13,896,388	71 %	5,717,265	25 %
1929	16,402,531	50%	16,123,572	50%
1930	3,472,525	12%	26,013,406	88%
1931	3,416,642	14%	21,226,619	86%
1932	8,251,654	18%	37,597,669	82%
1933*	3,379,617	9.5%	30,850,130	90%

(* 9 bulan yang pertama)

Sumber: Akhbar Tamil Nesan, 4 Januari 1934.

Jadual di atas menunjukkan sari kapas Jepun beransur-ansur dalam tempoh masa lima tahun berjaya menguasai hampir keseluruhan pasaran tempatan, iaitu 90 peratus. Selain kain sari, perniagaan kain sarong yang dilakukan oleh orang India sejak berkurun-kurun dahulu juga turut terjejas. Peniaga-peniaga India mengimport kain sarong di pelabuhan-pelabuhan NNS kemudian dieksport semula ke negeri-negeri Melayu, Sumatera, Siam, Saigon, Borneo, Sarawak dan Filipina. Pada tahun 1925, sebanyak 1005 helai kain sarong dari India telah diimport dengan kos \$500 tetapi pada tahun 1933 sebanyak 57,51,000 helai kain sarong dari Jepun dapat diimport dengan kos \$20,880.00.¹¹ Oleh itu pedagang-pedagang India telah menghadapi persaingan yang hebat dari barang-barang Jepun.

Dewan Perniagaan India Selangor telah menasihatkan ahli-ahlinya bahawa persaingan barang-barang dari Jepun dapat diatasi dengan mengimport barang-barang kraftangan dari India. Selain itu menggalakkan peniaga-peniaga India menjalankan urusan perniagaan dalam kaum mereka sendiri sebagaimana yang dilakukan oleh orang Cina, Jepun dan Eropah serta peniaga-peniaga India dinasihatkan menjalankan urusan perniagaan dengan cara jujur dari segi sukatan, timbang dan harga.¹²

Pada masa kemelesetan ekonomi, pedagang-pedagang dan peniaga-peniaga India juga mengalami kemerosotan dalam perniagaan. Ini disebabkan persaingan di antara peniaga-peniaga India sendiri dan masalah berhutang. Mereka tidak dapat menjelaskan hutang serta mengutip hutang mereka. Peniaga-peniaga India membeli barang-barang secara tunai tetapi menjual balik atau melabur semula dengan cara berhutang. Sebelum kemelesetan ekonomi, kalau berhutang ia harus dijelaskan dalam masa 15 hari sebagaimana yang diamalkan oleh peniaga-peniaga India. Tetapi semasa kemelesetan ekonomi, hutang-hutang tidak dapat dikutip balik oleh peniaga-peniaga India.¹³

Jika masalah orang berhutang dibawa ke mahkamah, kes-kes civil selalu menyebelahi orang yang berhutang atau pemutang. Kalau kes hutang itu \$100 dibawa ke mahkamah, mereka akan dibicarkan dan akan dihukum membayar \$1 sebulan sehingga habis, iaitu selepas lapan tahun baru hutang itu dilangsakan. Kalau orang yang berhutang tidak bekerja, maka dia hanya perlu jelaskan hutang dia selepas dia dapat kerja. Selain itu orang yang berhutang banyak boleh memohon kebankrutan (*bankruptcy*). Kalau ini berlaku pemberi hutang tidak dapat apa-apa.¹⁴

Dewan Perniagaan India dan peniaga-peniaga India berharap kerajaan akan menjaga kepentingan peniaga India dengan menggubal undang-undang yang boleh mengemukakan civil waran kepada orang berhutang yang telah melarikan diri ke India serta menangkap mereka dan didenda dengan berat.¹⁵ Kalau ini berlaku peniaga-peniaga atau pelabur-pelabur India tidak akan berasa was untuk berlabur di Tanah Melayu. Dewan Perniagaan India juga menuduh kerajaan tidak menitikberatkan tentang masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga pada masa kemelesetan ekonomi tetapi menumpukan perhatian dalam meningkatkan pendapatan kerajaan dengan cara mengurangkan kakitangan kerajaan, kurangkan gaji, naikkan cukai serta mengkaji barang-barang yang boleh dikenakan cukai.¹⁶

Peniaga-peniaga India juga mengalami banyak kerugian dan masalah pada masa Kemelesetan Besar disebabkan oleh kejatuhan harga getah. Kejatuhan harga getah telah memberi kesan secara tidak langsung kepada urusan jual-beli di Tanah Melayu. Pembeli utama getah Tanah Melayu, iaitu Amerika Syarikat telah mempunyai simpanan getah yang banyak serta tidak mampu membeli getah dengan banyak. Dalam keadaan ini pengeluaran getah di Tanah Melayu telah bertambah dengan pesat sekali tetapi tidak mempunyai pasaran. Ini menyebabkan kejatuhan harga getah.¹⁷

Kejatuhan harga getah telah memberikan kesan buruk kepada ahli-ahli Dewan Perniagaan India atau Pertubuhan Saudagar-saudagar India kerana ramai ahlinya telah membekalkan barang-barang kepada kedai-kedai kecil di ladang-ladang dan luar bandar. Pada masa kemeslestan ekonomi para peniaga India tidak dapat mengutip balik hutang bagi barang-barang yang telah mereka bekalkan. Ada di antara peniaga-peniaga yang menutup perniagaan mereka disebabkan mengalami kerugian. Untuk mengatasi ini PSSIS telah mencadangkan kepada ahli-ahli supaya berbincang masalah mereka dengan Dewan dan ahli-ahli lain supaya dapat mencari jalan penyelesaian yang baik. Selain itu peniaga-peniaga juga digalakkan menjual barang-barang mereka secara tunai terutamanya beras, bawang dan tembakau serta mematuhi harga yang telah ditetapkan oleh PSSIS.¹⁸

Beban Cukai

Pada masa kemelesetan ekonomi, peniaga-peniaga India telah mengalami kerugian dalam perniagaan disebabkan juga cukai-cukai yang dikenakan oleh kerajaan. Kerajaan telah mengenakan cukai yang tinggi ke atas tembakau, minyak sapi, gula, kopi, teh dan kain.¹⁹ Harga jualan bahan mentah seperti bijih timah dan getah sudah kurang tetapi harga barang-barang keperluan sudah naik. Dalam keadaan inflasi ini, kerajaan mengenakan cukai-cukai baru atau tinggi telah menyusahkan peniaga-peniaga dan juga rakyat.

Peniaga-peniaga selain cukai barang-barang, perlu juga bayar cukai pendapatan, cukai kapal, tambang kereta api, bayaran pos, telegram dan sebagainya.²⁰ Pada Ogos 1937, dalam perjumpaan Majlis Mesyuarat Federal (*Federal Council*) pengurangan cukai bagi pelbagai barang telah diumumkan berikutan tamatnya kemelesetan ekonomi tetapi ia dianggap akan mengambil masa beberapa tahun untuk memulihkan perdagangan dan meringankan beban golongan peniaga.²¹

Cukai Kastam di Negeri-negeri Melayu Bersekutu

Kerajaan NNMB telah mengenakan cukai kastam yang tinggi bagi kebanyakan barang dan ini menyebabkan harga barang-barang naik serta menyusahkan para peniaga India dan lain-lain. Rakyat miskin tidak mampu membeli barang keperluan asas pun akibat cukai kastam. Pegawai-pegawai kastam tidak menerima nilai kuantiti barang-barang yang dikemukakan secara bertulis atau lisan oleh peniaga-peniaga. Selain itu pegawai-pegawai kastam tambah 20% atau 30% daripada nilai atau berat kuantiti barang dari asal. Ini menyebabkan cukai menjadi tinggi dan cara ini telah mengganggu perniagaan.²² Oleh itu PSSIS bersama dengan Dewan-dewan Perniagaan lain telah menghantar rayuan kepada pegawai-pegawai kastam atasan bagi mengenakan cukai ke atas barang-barang sebagaimana berat yang telah diberikan dalam senarai yang dikemukakan.²³

Pada masa kemelesetan ekonomi, satu lagi cukai yang membebankan para peniaga India dan lain-lain ialah cukai kain yang baru. Dalam cukai yang lama kain kapas, sutera tiruan dan sutera telah dikenakan cukai sebanyak 20% jika diimport dari negara-negara lain dan 10% jika diimport dari empayar Britain dari harga kain. Tetapi dalam cukai baru telah dikenakan 5 sen bagi satu ela dari negara-negara lain dan 2.5 sen jika dari empayar Britain.²⁴

Pihak kerajaan juga telah meminta pegawai-pegawai kastam mengenakan cukai yang dapat memberikan keuntungan yang maksimum. Dalam cukai baru kain-kain murah seperti satu ela 50 sen dan 25 sen terpaksa membayar cukai yang tinggi. Cukai baru ini turut memberikan kesan buruk kepada kain-kain murah dari Britain seperti kain ‘Mull’. Kebanyakan buruh India menggunakan kain ini kerana ianya murah. Kain ini satu ela berharga 10 sen dan dalam sistem cukai yang lama ia akan dikenakan cukai sebanyak 1 sen seela tetapi dalam cukai baru ia dikenakan 2.5 sen, iaitu 25% dari harga kain.²⁵ Cukai baru ini telah menyusahkan perniagaan kain peniaga-peniaga

India kerana perniagaan mereka mengalami kemerosotan. Sistem cukai baru ini juga diluluskan tanpa berbincang dalam Majlis Mesyuarat Federal ataupun dengan Dewan-dewan Perniagaan.²⁶

Barang-barang dari Britain lebih mahal berbanding dari negara-negara lain. Kerajaan Tanah Melayu dengan mengenakan cukai yang tinggi ke atas barang-barang dari negara lain dapat melindungi barang-barang Britain. Ini disebabkan kerana cukai telah menaikkan harga barang negara lain, walaupun harga barang sebenar dari negara lain separuh atau satu perempat daripada harga barang Britain.²⁷ Dewan Perniagaan India Selangor berpendapat jika kerajaan ingin menjaga kepentingan pasaran bagi barang-barang Britain, ia harus hapuskan semua cukai ke atas barang-barang dari Britain dan juga dari empayar Britain. Selain itu barang-barang eksport Tanah Melayu juga tidak harus dikenakan cukai. Ini akan galakkan perdagangan serta masalah pada masa kemelesetan ekonomi dapat diatasi dari segi pekerjaan dan peredaran wang.²⁸ Duti import yang dikenakan bagi hasil-hasil pertanian dan kraftangan yang diimport dari luar dianggap dapat menggalakkan penggunaan barang-barang tempatan. Tetapi oleh kerana Tanah Melayu tidak menghasilkan kraftangan kalau dikenakan duti import ia akan menyusahkan rakyat.²⁹

Oleh itu DPIS berpendapat kerajaan sebelum mengenakan cukai harus mendirikan institusi-institusi kraftangan, menyediakan kemudahan-kemudahan dan setelah memajukan pengeluaran barang-barang kraftangan boleh mengenakan cukai ke atas barang-barang kraftangan yang diimport dari luar. Pada masa itu kerajaan Tanah Melayu juga mengenakan cukai ke atas barang-barang kraftangan yang diimport dari empayar Britain seperti Burma, India dan Sri Lanka. Ini telah menimbulkan rasa tidak puashati di kalangan peniaga-peniaga India. Oleh itu PSSIS telah menulis surat bantahan mereka mengenai cukai-cukai kepada Britain.³⁰

Kesimpulan

Dalam tempoh masa ini, iaitu sejak Dewan-dewan Perniagaan India ditubuhkan sehingga tahun 1945 telah mengalami pelbagai cabaran atau masalah. Cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang dialami oleh Dewan-dewan Perniagaan India telah di atasi dengan jayanya serta ia telah memantapkannya.

Dewan-dewan Perniagaan India telah mengalami pelbagai masalah semasa Zaman Kemelesetan Ekonomi. Di antara masalah yang dihadapi oleh ahli-ahli Dewan Perniagaan India ialah kenaikan harga barang secara mendadak ataupun kejatuhan harga barang-barang secara mendadak. Ini telah merugikan perniagaan mereka. Ahli-ahli Dewan Perniagaan India juga telah menghadapi masalah daripada pelbagai cukai yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara. Selain itu ahli-ahli Dewan Perniagaan India dan orang India juga telah mengalami masalah kemudahan pengangkutan kapal laut. Dewan-dewan Perniagaan India bagi pihak orang India telah menyuarakan masalah mereka kepada kerajaan India dan berjaya mengatasinya.

Semasa Pendudukan Jepun, ahli-ahli Dewan Perniagaan India telah mengalami kerumitan dalam perniagaan dan perdagangan. Ini disebabkan kerana keadaan ekonomi dan politik yang tidak stabil atau tidak menentu pada masa itu dan nilai matawang yang rendah.

Walaupun Dewan Perniagaan India mengalami pelbagai dugaan semasa Kemelesetan ekonomi Besar (1929-1933) tetapi ia mampu bertahan dan dapat menjalankan tugasnya dengan baik. Dewan-dewan Perniagaan India juga telah berusaha dengan gigih untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapinya serta memantapkan pertubuhannya pada tempoh masa ini.

Nota Hujung:

-
- ¹ Maklumat ini diperolehi daripada akhbar The Indian, 27.2.1937, No.62, hlm.3.
 - ² Ibid.
 - ³ Ibid.
 - ⁴ Ibid.
 - ⁵ Ibid.
 - ⁶ Ibid.
 - ⁷ Tamil Nesan, 5.7.1933, Vol.9, No.83, hlm.1.
 - ⁸ Tamil Nesan, 4.1.1934, Vol.10, No.32,hlm.2.
 - ⁹ Tamil Nesan, 21.7.1934, Vol.10, No.115, hlm.4.
 - ¹⁰ Tamil Nesan, 4.1.1934, Vol.10,No.32, hlm.3.
 - ¹¹ Tamil Nesan, 28.6.1934, Vol.10,No.105, hlm.3.
 - ¹² Tamil Nesan, 20.9.1933,Vol.10,No.3, hlm.2.
 - ¹³ Ibid.
 - ¹⁴ Ibid.
 - ¹⁵ Ibid.
 - ¹⁶ Tamil Nesan,27.9.1933, Vol.10, No.4, hlm.1.
 - ¹⁷ Tamil Nesan, 1.2.1933,Vol.9,No.40. hlm.3.
 - ¹⁸ Ibid.
 - ¹⁹ Tamil Nesan, 26.4.1933, Vol.9, No.71, hlm.3.
 - ²⁰ Ibid.
 - ²¹ The Indian, 28.8.1937, No.87, hlm.4.
Barang-barang yang dikurangkan cukai ialah gula, susu, sayur-sayuran yang ditinkan,ikan dan sebagainya tetapi cukai import bagi barang-barang makanan lain masih dikekalkan.
 - ²² Tamil Nesan, 1.2.1933, op.cit., hlm.2.
 - ²³ Ibid.
 - ²⁴ Tamil Nesan, 24.6.1933, Vol.9, No.80, hlm..2.
 - ²⁵ Tamil Nesan, 27.9.1933, op.cit., hlm.6.
 - ²⁶ Ibid.
 - ²⁷ Ibid.
 - ²⁸ Ibid.
 - ²⁹ Ibid.
 - ³⁰ Ibid.